



Ruj. Kami : UPNM(P)01.12/01 Jld. 16 (21)
Tarikh : 7 Disember 2021

SEMUA STAF UPNM

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR BILANGAN 9 TAHUN 2021 - DASAR PELAKSANAAN IMUNISASI COVID-19 UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

Rujuk:

- A. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 - Dasar Pelaksanaan Imunisasi Covid-19 Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.
- B. Pekeliling Pejabat Pendaftar Bilangan 9 Tahun 2021 – Dasar Pelaksanaan Imunisasi Covid-19 Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk / Dato' / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk / Dato' / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan sedia maklum bahawa, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 iaitu - Dasar Pelaksanaan Imunisasi Covid-19 Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di **Rujuk A**.
3. Adalah dimaklumkan bahawa, pemakaian peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 kepada UPNM selaku Pihak Berkuasa Berkanun telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti seperti di **Rujuk B**. Dasar ini menetapkan bahawa pada atau selepas 1 November 2021 pegawai boleh diarah oleh Pendaftar untuk mendapatkan dos imunisasi Covid-19 dengan cara mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi Covid-19 yang lengkap dan sekiranya gagal boleh dikenakan **tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan**. Pengecualian tidak melengkapkan vaksin hanya dibenarkan setelah pemeriksaan kesihatan yang disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar bahawa pegawai tidak layak menerima imunisasi dari segi perubatan.

4. Justeru, adalah diingatkan sekali lagi mana-mana pegawai yang belum melengkapkan vaksinasi hendaklah segera berbuat demikian sebelum 31 Disember 2021. Kegagalan mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi Covid-19 yang lengkap kepada Pendaftar selepas dari tarikh yang dinyatakan tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan

5. Kerjasama dan keprihatinan YBhg. Datuk / Dato' / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan dalam perkara ini adalah amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,


FAZIELAH BINTI MOHAMAD
Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Salinan kepada:

1. Pegawai Khas kepada Naib Canselor
2. Fail Am
3. Fail Timbul



Rujukan Kami : UPNM(P)01.03/06 Jld.2 (56)
Tarikh : 23 November 2021

Semua Staf

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
Kuala Lumpur

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR BILANGAN 9 TAHUN 2021: DASAR PELAKSANAAN IMUNISASI COVID-19 UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Pekeling Pejabat Pendaftar ini bertujuan menjelaskan dan sebagai hebahan berkenaan Dasar Pelaksanaan Imunisasi COVID-19 Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan telah melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) mulai 24 Februari 2021 untuk mengurangkan kesan jangkitan akibat virus COVID-19.

- 2.2 Dalam usaha untuk memberikan keyakinan dan jaminan kepada orang awam serta memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan Universiti kepada semua pihak, Universiti telah menetapkan supaya semua pegawai melengkapkan imunisasi COVID-19.
- 2.3 Seseorang pegawai adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan selaras dengan Peraturan-Peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan Pegawai) 2019. Pegawai juga adalah tertakluk dan terikat dengan Surat Aku Janji yang ditandatangani oleh pegawai apabila dilantik ke dalam perkhidmatan Universiti di bawah subperaturan 20(3) Peraturan-Peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan Pegawai) 2019 dan hendaklah mematuhi, antara lain, apa-apa pekeliling, surat pekeliling, peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan oleh Universiti dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatannya dalam perkhidmatan di Universiti.
- 2.4 Seterusnya, semua pegawai yang sedang berkhidmat adalah diarahkan untuk mengemukakan maklumat kesihatan bahawa pegawai telah mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap.
- 2.5 Oleh itu, Pekeliling Pejabat Pendaftar ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti selaras dengan peruntukan Perlembagaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- 2.6 Dalam hal ini, apa-apa tindakan seseorang pegawai hendaklah selari dengan dasar Universiti berhubung dengan pelaksanaan imunisasi COVID-19.

3.0 TAFSIRAN

- 3.1. Bagi maksud Dasar Pelaksanaan Imunisasi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia ini —
 - 3.1.1 “imunisasi” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1958 [*Akta 342*];
 - 3.1.2 “pegawai” mempunyai erti yang sama dengan pekerja seperti yang ditafsirkan di bawah Perlembagaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia;
 - 3.1.3 “pengamal perubatan berdaftar” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam peraturan pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*] sama ada pegawai perubatan kerajaan atau swasta;
 - 3.1.4 “Sijil Digital Vaksinasi COVID-19” ertinya sijil imunisasi COVID-19 yang dijana daripada aplikasi MySejahtera; dan
 - 3.1.5 “Universiti” ertinya Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

4.0 DASAR BAHARU

Pegawai adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti. Ini bertujuan untuk memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat dan penyampaian perkhidmatan serta produktiviti perkhidmatan Universiti berada pada tahap yang optimum.

5.0 PELAKSANAAN

- 5.1 Pada atau selepas 1 November 2021:

- 5.1.1 Pendaftar boleh mengarahkan pegawai untuk mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap dengan cara mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19; dan
 - 5.1.2 mana-mana pegawai yang gagal mematuhi arahan Pendaftar boleh menyebabkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.
- 5.2 Sekiranya pegawai—
- 5.2.1 tidak dapat melengkapkan dos imunisasi COVID-19 atas sebab kesihatan, pegawai boleh diarahkan oleh Pendaftar untuk membuat pemeriksaan kesihatan dengan pengamal perubatan berdaftar bagi mengesahkan bahawa pegawai tidak layak untuk menerima imunisasi COVID-19 dari segi perubatan (*medically ineligible*);
 - 5.2.2 telah mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar bahawa pegawai tidak layak untuk menerima imunisasi COVID-19 atas sebab kesihatan, pegawai boleh diarahkan oleh Pendaftar untuk membuat ujian pengesanan COVID-19;
 - 5.2.3 disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar bahawa pegawai layak untuk menerima imunisasi COVID-19, pegawai boleh diarahkan oleh Pendaftar untuk mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap dengan cara mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19; dan
 - 5.2.4 gagal mematuhi mana-mana arahan di perenggan 5.2.1, 5.2.2 atau 5.2.3, pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.

- 5.3 Walau apa pun ketetapan di perenggan 5.1 dan 5.2, Pendaftar boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan mana-mana pegawai yang belum mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap untuk membuat pemeriksaan kesihatan bagi menentukan status kesihatan terkini pegawai. Sekiranya pengamal perubatan berdaftar mengesahkan pegawai layak untuk mendapatkan imunisasi COVID-19, pegawai boleh diarahkan oleh Pendaftar untuk mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap dengan cara mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19. Mana-mana pegawai yang gagal untuk mematuhi arahan tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.
- 5.4 Bagi memastikan pelaksanaan dasar ini berjalan dengan lancar supaya semua pegawai melengkapkan dos imunisasi COVID-19, Pendaftar boleh mempertimbangkan apa-apa kaedah yang bersesuaian untuk menguruskan mana-mana pegawai yang tidak mendapatkan atau melengkapkan imunisasi COVID-19 termasuklah mengarahkan pegawai untuk membuat ujian pengesanan COVID-19. Apa-apa kos yang berbangkit daripada ujian pengesanan itu hendaklah ditanggung sendiri oleh pegawai.
- 5.5 Walau bagaimanapun, bagi pegawai yang tidak layak untuk menerima imunisasi COVID- 19 dari segi perubatan (*medically ineligible*), kos untuk membuat ujian pengesanan COVID-19 akan ditanggung oleh Universiti.

6.0 PUNCA KUASA / RUJUKAN

- 6.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994;
- 6.2 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342];
- 6.3 Perlembagaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia;

- 6.4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021: Dasar Pelaksanaan Imunisasi COVID-19 Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan;
- 6.5 Mesyuarat EXCO Bilangan 3 Tahun 2021; dan
- 6.6 Mesyuarat LPU, Kelulusan Melalui Edaran Bilangan 6 Tahun 2021.

7.0 TARIKH KUAT KUASA PEMAKAIAN PEKELILING


Pekeliling Pejabat Pendaftar Bilangan 9 Tahun 2021 ini adalah berkuat kuasa mulai dari 22 November 2021

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,


FAZIELAH BINTI MOHAMAD
Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia